

17 JUN 1998

PERSATUAN PELAJAR MINTA KEPENTINGAN PENDIDIKAN TIDAK DIKETEPIKAN

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Sebanyak 12 persatuan pelajar Malaysia di dalam dan luar negeri hari ini meminta kerajaan memastikan supaya program pendidikan terus diberi pekananan penting walaupun negara mengalami kegawatan ekonomi.

Persatuan-persatuan pelajar itu, yang bergabung di bawah Majlis Mesyuarat Pelajar Malaysia (MMPM), kkuatir kepentingan pendidikan dikompromi dengan kepentingan lain berikutan pertumbuhan ekonomi negara semakin susut dan pendapatan rakyat turut berkurangan.

"Sumber dana yang sedia ada harus dimanfaatkan sepenuhnya bagi membiayai program pendidikan untuk setiap lapisan masyarakat," kata Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) Hamidi Abdul Manan, yang mewakili MMPM pada sidang berita, di sini.

Antara anggota MMPM ialah Majlis Tertinggi Pelajar Malaysia United Kingdom, Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya, Majlis-majlis Perwakilan Pelajar Universiti Utara Malaysia dan Universiti Putra Malaysia dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar ITM Shah Alam.

Hamidi berkata gerakan mahasiswa berpendapat satu tindakan drastik dan menyeluruh perlu segera diambil untuk memulihkan ekonomi negara.

Katanya segala amalan salahlaku dalam pengagihan kekayaan negara seperti amalan rasuah, nepotisme dan kronisme perlu segera dihapuskan.

Pengerusi Gabungan Mahasiswa Islam Semenanjung (GAMIS) Zaharuddin Abdul Rahman berkata pula gerakan mahasiswa akan mengadakan Kursus Kepimpinan Institusi Pengajian Tinggi di sini pada 26 hingga 28 Jun ini, yang perasmiannya dijadualkan akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

WNZ NAK